

SOP Pembukaan Semula Ekonomi

versi 1 Mei 2020



PENGENALAN & OBJEKTIF

1. Mulai 4 Mei 2020, **Kerajaan Malaysia akan membuka semula (restart) ekonomi negara** dengan membenarkan industri dan aktiviti perniagaan untuk beroperasi secara menyeluruh.
2. Kebenaran ini tertakluk kepada persediaan dan langkah-langkah yang diambil oleh perniagaan untuk memastikan kepatuhan kepada Garis Panduan (SOP) yang telah ditetapkan di dalam dokumen ini.
3. SOP yang disediakan adalah untuk memastikan aspek kesihatan diutamakan dan terjamin dalam persekitaran di mana penularan wabak Covid-19 masih merupakan ancaman yang benar. SOP ini berhasrat untuk mengurangkan risiko kesihatan kepada orang awam dan di premis perniagaan, sekaligus mengelakkan perkhidmatan kesihatan negara dibebani sehingga tahap yang luar kawalan.
4. Sekiranya berlaku peningkatan penularan wabak Covid-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau tindakan lain boleh dikuatkuasakan. Ini memberi kesan kepada usaha membuka semula ekonomi negara.
5. Pembukaan sektor-sektor ekonomi akan dilakukan secara berperingkat, sila rujuk kepada Senarai Aktiviti Yang Dilarang yang telah disediakan. Melainkan sektor-sektor yang dinyatakan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang tersebut, **kesemua sektor perniagaan yang lain dibenarkan untuk dibuka semula dan beroperasi berdasarkan SOP ini**. Senarai tersebut akan dikemaskini dari masa ke semasa oleh badan Kerajaan dan agensi seliaan yang bertanggungjawab, mengambil kira tahap ketersediaan perniagaan untuk memulakan semula operasi.
6. Kegagalan untuk mematuhi SOP boleh membawa kepada tindakan undang-undang, penarikan balik kebenaran beroperasi atau apa-apa tindakan yang berkaitan. Kerajaan, melalui kerjasama antara Kementerian Kesihatan, PDRM, dan lain-lain badan penguatkuasa akan membuat pemantauan dan penguatkuasaan dalam usaha memastikan SOP dipatuhi. Perniagaan diingatkan untuk memastikan sentiasa berhubung dengan badan Kerajaan seliaan yang bertanggungjawab untuk sebarang perkembangan terkini.



NORMA BAHARU DALAM PERNIAGAAN & KEHIDUPAN

- SOP ini mengambil kira **norma baharu** dalam pengendalian perniagaan dan kehidupan harian. Pendekatan yang diambil kerajaan adalah **pendekatan seluruh lapisan masyarakat**, atau **whole of society approach**. Kaedah pendekatan ini adalah penting dalam memastikan pembukaan semula ekonomi negara ini dapat dilakukan dengan lancar, selamat dan berkesan.
- Individu berperanan untuk menjaga diri dan keluarga; Komuniti setempat bertanggungjawab memastikan kesejahteraan dan keselamatan di kalangan jiran-jiran; dan majikan bertanggungjawab memastikan pekerja dan operasi perniagaan mengamalkan tabiat kebersihan yang tinggi di samping mematuhi SOP.

Norma baharu ini merangkumi perkara-perkara berikut, iaitu:

- Mengamalkan langkah-langkah kesihatan:**
 - Penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter, sebaik-baiknya 2 meter dalam semua keadaan
 - Memakai *face-mask*; digalakkan setiap masa, diwajibkan dalam keadaan tertentu
- Menggalakkan amalan kebersihan yang tinggi**
 - Kerap mencuci tangan dengan sabun atau *hand-sanitizer*
 - Menyediakan kemudahan ini untuk pekerja dan pelanggan
 - Memastikan pembersihan (*sanitizing*) premis dibuat pada kadar yang kerap dan konsisten, sekurang-kurangnya 2 kali sehari
- Mengamalkan amalan-amalan pencegahan jangkitan:**
 - Memastikan terdapat protokol pemantauan penyakit dan pencegahan penularan jangkitan
 - Kesemua pekerja diperiksa setiap hari untuk mengenalpasti symptom Covid-19 termasuk pemeriksaan suhu badan
 - Di mana penjarakan sosial tidak boleh diamalkan, pekerja mesti menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai
 - Melaporkan kepada Jabatan Kesihatan sekiranya terdapat maklumat mengenai jangkitan Covid-19
 - Melatih pekerja untuk memantau dan bertindak sekiranya terdapat kes yang disyaki timbul
- Mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan:**
 - Aktiviti sosial melibatkan perhimpunan ramai seperti panggung wayang, stadium bola speak, dan kelab malam tidak dibenarkan
 - Aktiviti sukan berpasukan atau melibatkan sentuhan (*contact*) tidak dibenarkan
 - Majlis kenduri-kendara/ rumah terbuka/ aktiviti perayaan atau keagamaan tidak dibenarkan atau dihadkan dengan ketat



PERINGATAN PENTING

1. Pembukaan semula ekonomi adalah hasil positif pematuhan PKP oleh Rakyat dan juga usaha barisan hadapan (*frontliners*) dalam memerangi Covid-19 yang berjaya meratakan lekuk penularan Covid-19. Namun, Kerajaan sedar kemungkinan penularan atau jangkitan semula sekiranya berlakunya ketidakpatuhan SOP ini.
2. Oleh itu, Kerajaan akan menentukan tahap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Movement Control Order (MCO), berasaskan tahap penularan wabak Covid-19 yang boleh membawa kepada beban yang berat ke atas sistem kesihatan.
3. Kerajaan juga menggalakkan orang ramai memainkan peranan untuk memantau dan memastikan pematuhan kepada SOP. Melalui aplikasi **MySejahtera**, orang ramai dan perniagaan boleh membantu Kerajaan dalam merealisasikan usaha membuka semula ekonomi ini.
4. Sekiranya terdapat keingkaran, orang ramai boleh menghubungi pegawai penguatkuasa yang berkenaan.



SENARAI AKTIVITI YANG DILARANG

SENARAI AKTIVITI INI TIDAK DIBENARKAN BERDASARKAN JUSTIFIKASI YANG DIKELUARKAN OLEH KKM SEPERTI BERIKUT

- 1. SUKAR UNTUK MENGAWAL KEADAAN DI MANA TERDAPAT RAMAI ORANG PADA SATU-SATU MASA**
 - 2. KEMUNGKINAN PENDEDAHAN KEPADA TITISAN PERNAFASAN**
 - 3. SUKAR UNTUK MENGAWAL KEPERILAKUAN**
 - 4. KEMUNGKINAN KONTAK RAPAT DALAM MASA PANJANG YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN**
 - 5. KEBERADAAN DI DALAM RUANG RAPAT DAN TERTUTUP DALAM MASA YANG LAMA**
- Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa, dan pembukaan sektor ekonomi dalam senarai ini dibuat secara berfasa, bergantung kepada keadaan kesihatan semasa dan ketersediaan perniagaan.

1. Hiburan dan Riadah

- Panggung Wayang
- Pusat Karoake
- Taman Tema
- Muzium
- Busking

2. Perayaan, Perarakan dan Perhimpunan

- Perarakan Keagamaan
- Aktiviti agama berjemaah di Masjid / Rumah Ibadat
- Sambutan Hari Ulang Tahun Pasukan Pasukan Keselamatan (Perarakan)
- Sambutan Hari Raya kecuali dengan ahli keluarga terdekat (*Perjalanan pulang hari raya akan diumumkan kelak)

3. Persidangan dan Pameran

- Pameran Kerjaya
- Pameran Perkahwinan
- Promosi dan Pakej Pelancongan
- Karnival Jualan
- Semua Jenis Persidangan yang melibatkan kumpulan yang ramai

4. Pendidikan

- Sukan semasa sesi persekolahan
- Aktiviti kokurikulum bersemuka
- Sebarang bentuk perhimpunan sekolah
- Sebarang bentuk majlis atau program yang mengumpulkan lebih daripada 10 orang

5. Sukan

- Pertandingan sukan yang melibatkan perhimpunan penyokong / penonton yang ramai (stadium)
- Segala aktiviti sukan dalaman (*indoor sports including gyms*)
- Kolam renang
- Sukan bersentuhan (*Contact Sports*) contoh *ragbi, gusti, boxing, bola sepak, bola keranjang*



SENARAI AKTIVITI YANG DILARANG (Sambungan)

6. Aktiviti Sosial

- Kenduri – kendara
- Majlis perkahwinan dan sambutan ulang tahun atau sebagainya

7. Pengangkutan

- Kapal Persiaran

8. Perniagaan Berpremis / Penjajaan Tanpa Premis / Pasar Berbangunan / Pasar Tanpa

Premis / Peruncitan / Serbaneka Makanan & Minuman

- Bilangan pelanggan yang terlalu ramai pada satu-satu masa (tertakluk kepada pengiraan radius jarak minimum 1m)
- Bazar Ramadan
- Bazar Hari Raya

9. Kemudahan penginapan berpusat pekerja (CLQ)/ hostel/ asrama pekerja di sektor pembuatan dan lain-lain sektor

- Terima pelawat
- Bersosial dan bersukan secara berkumpulan
- Solat berjemaah/Aktiviti aktiviti ibadah lain

10. Pemasangan dan penyenggaraan jentera (lift, eskalator, dandang dan lain-lain) bagi sektor perkhidmatan/ tower crane di tapak bina

- Menjalankan kerja secara berkumpulan lebih dari 10 orang

11. Kedai Pakaian Dan Aksesori Fesyen

- Aktiviti Fitting Pakaian

12. Dobi (khusus dobi layan diri)

- Aktiviti melipat pakaian

13. Ceramah/Seminar/Kursus/Latihan secara bersemuka

14. Aktiviti Pensijilan Bagi Agrikomoditi

15. Kedai gunting rambut dan salun kecantikan

16. Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan

- Urus niaga mendapatkan jualan (*sales and marketing activities*) di luar premis institusi kewangan, atau kawasan awam, tidak dibenarkan buat masa ini sehingga di umumkan kelak

17. Pengurusan Perhutanan

- Ekopelancongan Hutan
- Latihan Perhutanan

18. Perlombongan Dan Pengkuarian

- Permohonan baharu bagi Peperiksaan Teori & Amali Pembedil (Peletupan)

19. Perladangan dan Pertanian

- Hari Bertemu Pelanggan
- Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)
- Pesta makan buah-buahan
- Kursus/ Seminar
- Konvokesyen Institut Pertanian
- Lelongan jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya

20. Perikanan

- Aktiviti perikanan rekreasi
- Pusat Taman Laut, pameran dan aquarium

21. Seni Kreatif

- Penggambaran filem
- Acara/Konsert/Program Yang Melibatkan Orang Awam Di Studio Atau Tempat Awam

22. Kebudayaan Dan Kesenian

- Pameran Yang Melibatkan Interaksi Antara Pekarya Dan Pelawat

23. Pelancongan dan Perhotelan

- Penggunaan Fasiliti Hotel Seperti Surau, Gimnasium, Spa, Sauna, Lounge, Kolam Renang, Bilik Mesyuarat, Dewan Seminar, Bilik Latihan, Restoran Dan Café (Bagi Tujuan Buffet)



PERKHIDMATAN IKHTISAS & PROFESIONAL

Merangkumi

Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantaian kepada ekonomi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan pkpd tidak dibenarkan.
- Mematuhi akta badan ikhtisas dan profesional berkaitan.

Waktu Beroperasi	Sehingga 24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	9 pagi – 6 petang	Kapasiti Pekerja	100%
-------------------------	------------------------	----------------------------------	--------------------------	-------------------------	-------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Protokol pencegahan penyakit & sekatan.	<ul style="list-style-type: none">Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.
Saringan kesihatan.	<ul style="list-style-type: none">Menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner.Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari .Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.
Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat).	<ul style="list-style-type: none"> Semua majikan dikehendaki untuk menghubungi pejabat kesihatan berhampiran sekiranya terdapat pekerja yang disyaki mempunyai gejala COVID-19 Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celcius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.



PERKHIDMATAN IKHTISAS & PROFESIONAL

Merangkumi

Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantaian kepada ekonomi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan pkpd tidak dibenarkan.
- Mematuhi akta badan ikhtisas dan profesional berkaitan.

Waktu Beroperasi	Sehingga 24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	9am – 6pm	Kapasiti Pekerja	100%
------------------	-----------------	---------------------------	-----------	------------------	------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pembasmian & nyah kuman premis	<ul style="list-style-type: none">Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (common space) seperti:<ul style="list-style-type: none">❖ lobi, lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, bas/pengangkutan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah.Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/premis setiap kali sebelum syif atau operasi bermula.Syarikat hendaklah menyediakan hand sanitizer di pintu masuk, semua kawasan umum (common area) dan tempat-tempat lain di dalam kilang/premis.
Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja	<ul style="list-style-type: none">Pemakaian face mask oleh setiap pekerja adalah digalakkan.Memastikan garis panduan amalan terbaik penjarakan sosial disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di:<ul style="list-style-type: none">❖ kawasan-kawasan seperti kafeteria / kantin, bilik mesyuarat, surau, dewan serba guna (multipurpose hall) dan lain-lain yang berkenaan.



PERKHIDMATAN IKHTISAS & PROFESIONAL

Merangkumi

Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantaian kepada ekonomi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan pkpd tidak dibenarkan.
- Mematuhi akta badan ikhtisas dan profesional berkaitan.

Waktu Beroperasi	Sehingga 24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	9 pagi – 6 petang	Kapasiti Pekerja	100%
------------------	------------------------	---------------------------	--------------------------	------------------	-------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Etika di kawasan umum dalam premis	<ul style="list-style-type: none">• Kemudahan surau dan tempat ibadat dalam premis perlu dikawal dengan amalan penjarakan sosial dalam satu masa.• Operasi kantin/ kafeteria dibenarkan dengan penjarakan 2 meter antara meja.• Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat bergantung kesesuaian yang ditetapkan syarikat.
Kenderaan pejabat	<ul style="list-style-type: none">• Kenderaan pejabat perlu menjalani proses pembasmian kuman dan nyah kuman setiap kali selepas digunakan.• Kenderaan persendirian digalakkan untuk disanitasi sendiri oleh pekerja mengikut tatacara yang bersesuaian.



PERKHIDMATAN IKHTISAS & PROFESSIONAL

Merangkumi

Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantaian kepada ekonomi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan pkpd tidak dibenarkan.
- Mematuhi akta badan ikhtisas dan profesional berkaitan.

Waktu Beroperasi	Sehingga 24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	9 pagi – 6 petang	Kapasiti Pekerja	100%
------------------	------------------------	---------------------------	--------------------------	------------------	-------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Tindak balas Kecemasan	<ul style="list-style-type: none">Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan Covid-19).Syarikat bertanggungjawab untuk menanggung sepenuhnya kos saringan pekerja, sekiranya dirasakan perlu.Kos pembasmian dan nyah kuman di premis perlu ditanggung oleh syarikat.

Nota: Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.



SEKTOR PELBAGAI

Merangkumi

- Kemudahan penginapan berpusat pekerja (CLQ)/ hostel/ asrama pekerja di sektor pembuatan dan lain-lain sektor

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

- Menghadkan pergerakan penghuni
- Kawasan gunasama disanitasi sekurang-kurangnya tiga(3) kali sehari
- Patuh Safe work prosedur di tempat penginapan
- Patuh Prosedur Pencegahan Covid19 yang ditetapkan KKM dari masa ke semasa.

Waktu Beroperasi	24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	Tidak Berkenaan	Kapasiti Pekerja	100%
<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none">Memastikan penjarakan sosial 1 meter di tempat penginapan .				
Penggunaan Hand Sanitizer/ pemberian serta pemakaian penutup hidung dan mulut	(i) Mewajibkan penggunaan hand sanitizer atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. Mewajibkan penghuni memakai penutup hidung/mulut jika berada di kawasan tumpuan ramai.				
Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja	(i) Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu setiap hari				
Pembersihan dan Sanitasi bilik asrama/ dewan makan / lobi/ tandas/ ruang gunasama/ cafeteria/ surau/ rekreasi	(i) Menggunakan cecair pencuci untuk sanitasi pada setiap hari dan lebih kerap di kawasan gunasama sebanyak 3 kali sehari				
Susun Atur Meja di café/ dewan makan	(i) Pengunaan meja dihadkan kepada 2 orang untuk satu meja atau kedudukan berselang diantara satu tempat duduk. Kedudukan meja adalah didalam jarak 1 meter				



SEKTOR PERKHIDMATAN

Merangkumi

- Pemasangan dan penyenggaraan jentera (lift, eskalator, dandang dan lain-lain) bagi sektor perkhidmatan

Waktu Beroperasi	8.00 – 6.00 dan jika ada kecemasan	Waktu Kehadiran Pelanggan	8.00 – 6.00 dan jika ada kecemasan	Kapasiti Pekerja	100%
------------------	---------------------------------------	---------------------------	---------------------------------------	------------------	------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none">Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa bekerja.
Penggunaan Hand Sanitizer/ pemberian serta pemakaian penutup hidung dan mulut	(i) Mewajibkan penggunaan hand sanitizer dan memakai penutup hidung/mulut dan menyediakan sanitiser kepada pekerja
Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja	(i) Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu setiap hari sebelum mula bekerja
Pembersihan dan Sanitasi bilik asrama/ dewan makan / lobi/ tandas/ ruang gunasama/ cafeteria/ surau/ rekreasi	(i) Menggunakan cecair pencuci untuk sanitasi setiap kali sebelum aktiviti penyenggaraan.

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

- Patuh Arahan KKM dan MKN
- Patuh Prosedur Kerja Selamat Pencegahan Covid- 19 di tempat Kerja JKPP.



SEKTOR PERKHIDMATAN

Merangkumi

- Pemasangan dan penyenggaraan tower crane di tapak bina

Waktu Beroperasi	8.00 – 6.00 dan jika ada kecemasan	Waktu Kehadiran Pelanggan	8.00 – 6.00 dan jika ada kecemasan	Kapasiti Pekerja	100%
------------------	---------------------------------------	---------------------------	---------------------------------------	------------------	------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none">Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa bekerja.
Penggunaan Hand Sanitizer/ pemberian serta pemakaian penutup hidung dan mulut	(i) Mewajibkan penggunaan hand sanitizer dan memakai penutup hidung/mulut dan menyediakan sanitiser kepada pekerja
Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja	(i) Mengambil dan merekod Suhu Badan Pekerja pada awal waktu setiap hari sebelum mula bekerja
Pembersihan dan Sanitasi bahagian jentera yang terdedah	(i) Menggunakan cecair pencuci untuk sanitasi setiap kali sebelum aktiviti penyenggaraan.

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

- Patuh Arahan KKM dan MKN
- Patuh Prosedur Kerja Selamat Pencegahan Covid- 19 di tempat Kerja JKKP.
- Patuh Akta CIDB